



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (14)

SIARAN MEDIA

PROGRAM KESEDARAN SPESIES IKAN ASING DAN PERTANDINGAN MOH! TANGKAP BAUNG EKOR MERAH

PEKAN, 31 Mei 2025 – Program Kesedaran Spesies Ikan Asing dan Pertandingan “Moh! Tangkap Baung Ekor Merah” anjuran Jabatan Perikanan Malaysia hari ini telah berlangsung dengan jayanya di Pekan Riverfront, Pahang. Program ini merupakan antara inisiatif berterusan Jabatan dalam usaha meningkatkan kesedaran awam mengenai ancaman spesies ikan asing invasif terhadap ekosistem perairan darat negara.

Majlis Perasmian Penutupan program telah disempurnakan oleh YB Dato’ Mohd Sharim Haji Md Zain, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chini, dengan kehadiran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, YBhg. Dato’ Haji Adnan bin Hussain.

Menurut Dato’ Haji Adnan bin Hussain, Malaysia memiliki lebih 449 spesies ikan air tawar tempatan, antaranya ikan kelah, temoleh, sebarau dan baung sungai yang penting dari aspek ekologi dan ekonomi. Namun begitu, kehadiran spesies asing invasif seperti ikan peacock bass, keli Afrika, baung ekor merah, dan ikan bandaraya kini mengancam kelestarian biodiversiti ini.


“Spesies asing ini bersifat agresif, membiak dengan cepat dan mampu menyingkirkan spesies tempatan melalui persaingan makanan dan habitat. Sejak tahun 2022, Jabatan Perikanan telah melaksanakan 17 siri aktiviti memburu ikan asing dan berjaya mengeluarkan lebih 4.4 tan metrik spesies invasif dari perairan negara,” jelas beliau.

Selain usaha memburu spesies asing invasif, Jabatan Perikanan Malaysia juga giat melaksanakan langkah-langkah pemuliharaan bagi memulihara ekosistem perairan darat. Merujuk kepada Perangkaan Perikanan Tahunan 2024, hasil tangkapan perikanan darat negara meningkat kepada 9,652 tan metrik bernilai RM190.7 juta berbanding 9,442 tan metrik bernilai RM179.7 juta pada tahun 2023.

Langkah pemuliharaan seperti pelepasan lebih 38.3 juta benih ikan asli ke perairan umum sepanjang RMK-12, penubuhan 13 santuari perikanan darat, serta penyenaian spesies ikan asli dalam peraturan perikanan negeri turut dijalankan bagi memastikan keseimbangan ekosistem terus terpelihara.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Program pada kali ini turut menyaksikan penyertaan komuniti tempatan dan pemancing dari seluruh negara dalam aktiviti menangkap spesies invasif, khususnya baung ekor merah (*Hemibagrus wyckioides*), iaitu spesies dari Sungai Mekong yang kini semakin berleluasa di sungai-sungai tempatan.

YB Dato' Mohd Sharim Haji Md Zain dalam ucapannya berkata, "Sektor perikanan darat sangat penting kepada keterjaminan makanan negara. Di Negeri Pahang sahaja, terdapat lebih 2,703 nelayan darat berdaftar, termasuk 733 orang dari daerah Pekan. Peranan mereka perlu diperkasa, antaranya melalui program-program kesedaran dan kawalan spesies asing seperti ini."

Tambah beliau, rekod pendaratan ikan air tawar di Negeri Pahang pada tahun 2024 menunjukkan peningkatan kepada 2,218 tan metrik bernilai RM64.25 juta, sekaligus membuktikan potensi tinggi sektor ini kepada ekonomi negeri.

Dalam majlis yang sama, Jabatan turut menyampaikan bantuan Geran Pemadanan bernilai RM331,400 di bawah Program Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA) kepada tiga peserta utama Kluster Rizqi di Kampung Peramu, Pekan serta Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND) berjumlah RM66,000 kepada 22 orang nelayan darat daerah ini.

Program yang dilaksanakan di 13 lokasi strategik seluruh negara sepanjang Mei 2025 ini bertujuan meningkatkan kesedaran awam, memulihara biodiversiti perairan darat dan menyokong penglibatan aktif komuniti setempat. Usaha ini dijangka memberi kesan positif terhadap kawalan populasi spesies invasif serta memastikan keseimbangan ekosistem terus terpelihara.

Kit media:

https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1M1Cy4QQPJXHn-Vz471BC4TySbw_OVlvK

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my